

# Talisman Malaysia tandatangan MoU dengan UMS

DW 13.3.2014 3

## Jason Santos

KOTA KINABALU: Satu memorandum yang ditandatangani antara Talisman Malaysia dan Universiti Malaysia Sabah (UMS) akan menyaksikan separuh daripada dana biasiswa lima tahun bernilai RM2.3 juta disalurkan kepada 30 pelajar, di sini.

Naib Presiden Kanan dan Pengurus Negaranya, Ron Aston pada Rabu berkata separuh daripada 60 pelajar yang layak untuk program 2014 hingga 2018 adalah pelajar UMS yang menjalani pengajian siswazah dan pascasiswazah mengkhusus dalam minyak dan gas.

"Lebih RM1 juta disalurkan di Sabah dan selain bantuan kewangan, pelajar akan diberikan pengalaman langsung dalam industri minyak dan gas," katanya selepas menandatangani satu Memorandum Persefahaman antara syarikat industri hulu minyak dan gas itu dan UMS, di sini.

MoU tersebut merupakan ker-

jasama keempat antara Talisman Malaysia dan universiti tempatan, dengan perjanjian serupa dime-teraiakan dengan kursus Kejuruteraan Petroleum dan Kimia Universiti Teknologi Malaysia, kursus Geologi Universiti Malaya dan kursus Geofizik Universiti Sains Malaysia sebelumnya.

"Kami sudah ada program mantap di semenanjung.

"Sejak 2008, kami menyaksikan RM2 juta memanfaatkan 57 pelajar di bawah program sama," katanya.

Daripada bilangan itu, hanya 14 benefisiari Malaysia mendapat pekerjaan dengan Talisman Malaysia dan sehubungan itu Aston berkata Talisman Malaysia "pada waktu ini, hanya menumpu kepada pendidikan."

Timbalan Naib Canselor, Profesor Dr Shahril Yusof menandatangani MoU itu bagi pihak Naib Canselor, Profesor Datuk Dr Mohd Harun Abdullah.